

# Tinjauan Literatur Kedudukan Hak Cipta sebagai Harta Sepencarian

**BITARA**Volume 3, Issue 2, 2020: 099-109  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Literature Review on The position of the Copyright as Matrimonial Property]

Muhammad Farahin Mazlan<sup>1</sup> & Mohd Zamro Muda<sup>1</sup>

### Abstrak

Perundangan sivil telah memperakui dan melindungi karya hak cipta serta pemiliknya bahkan menurut sivil, hak cipta juga diiktiraf sebagai harta. Namun demikian, kedudukannya sebagai harta di sisi Islam masih menjadi persoalan. Selain itu, perundangan sivil juga menyebutkan bahawa hak cipta boleh dipindah milik melalui penyerahhakan, pelesenan dan wasiat. Namun, perundangan tidak menjelaskan kedudukannya sebagai harta sepencarian. Justeru, objektif artikel ini adalah untuk meninjau penulisan-penulisan lepas berkenaan kedudukan hak cipta sebagai harta di sisi Islam dan harta sepencarian menurut perundangan syariah di Malaysia. Kajian kualitatif ini juga menggunakan kaedah analisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa, kajian mengenai hak cipta sebagai harta di sisi Islam tidak dibincangkan oleh ulama fiqh klasik, namun ianya telah dilakukan oleh beberapa sarjana Islam kontemporari. Selanjutnya kajian mengenai kedudukan hak cipta sebagai harta sepencarian belum pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

### Kata kunci:

Hak cipta, harta, harta sepencarian, perundangan, syariah

### Abstract

The civil legislation has been acknowledge and protect the works of copyright as well as its owners even according to the civil, copyright is also recognized as property. Nevertheless, his position as a property on the side of Islam remains a question. Moreover, the civil law also says that copyright is transferable by assignment, licensing and will. However, the legislation does not explain its position as matrimonial property. Thus, the objective of this article is to review the writing-the writing of the last relevant position of the copyright as the property on the Muslim side and the matrimonial property according to the sharia law in Malaysia. Qualitative studies also use the method of analysis is descriptive by using method kepustakaan to get the required data. The survey results show that, the study about copyright as a property on the Muslim side was not discussed by the scholars of the fiqh classic, yet it has been done by some Muslim scholars of contemporary. Further studies on the position of the copyright as the property of the matrimonial has never been done by the researcher-the researcher before this.

### Keywords:

Copyright, property, matrimonial property, law, sharia

### Cite This Article:

Muhammad Farahin Mazlan<sup>1</sup> & Mohd Zamro Muda. 2020. Tinjauan literatur kedudukan hak cipta sebagai harta sepencarian. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 99-109.

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

MOHD ZAMRO MUDA, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: zamro@ukm.edu.my

## Pengenalan

Harta sepencarian didefinisikan sebagai harta yang diperolehi bersama oleh suami dan isteri dalam masa perkahwinan (Hooker 1976). Istilah ini juga boleh difahami sebagai harta alih atau harta tak alih yang diperolehi hasil dari usaha atau carian bersama, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam bentuk sumbangan modal, tenaga atau moral yang telah disumbangkan oleh suami dan isteri dalam tempoh perkahwinan mereka sama ada harta itu didaftar atas nama satu pihak atau nama bersama (Suwaid Tapah 1996). Harta sepencarian merupakan *'urf* masyarakat melayu Islam di Malaysia dan ianya telah diperundangan. Sebagaimana yang termaktub di dalam akta dan enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, bahawa segala jenis aset boleh dituntut sebagai harta sepencarian dan ianya merupakan bidang kuasa mahkamah syariah dalam memutuskan hal ini. Kebiasaannya, kes-kes tuntutan harta sepencarian di mahkamah Syariah adalah melibatkan harta benda dan aset (Ibrahim & Abd Ghadas 2017). Namun, tidak semua harta boleh dituntut sebagai harta sepencarian sebagaimana Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-67 pada 22 Februari 2005 berkenaan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian. Fatwa tersebut telah memutuskan bahawa caruman KWSP tidak boleh dijadikan harta sepencarian. Lantaran itu, hal tersebut menimbulkan persoalan mengenai kedudukan royalti hak cipta sebagai harta sepencarian. Isu ini juga pernah dibangkitkan oleh Ibrahim Lembut 2010 di dalam Seminar Pengurusan Harta Islam Peringkat Kebangsaan yang bertajuk "*Harta Sepencarian: Konsep dan Amalan*".

Secara umumnya, hak cipta boleh didefinisikan sebagai hak seseorang pencipta seperti pengarang, penggubah lagu ke atas hasil ciptaannya yg dilindungi undang-undang (Dewan Bahasa dan Pustaka). Ia merupakan hak harta benda yang diberikan oleh *Common Law* dan dikenali sebagai harta tak ketara (Rohazar Wati 2010). Akta Hak Cipta 1987 melindungi beberapa karya yang terdiri daripada karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran.

Selain itu, dari perspektif Islam tidak semua ulama fiqh mengiktiraf hak cipta sebagai harta sebagaimana yang dipetik oleh Fathi al-Durayni (1981) berkenaan pendapat imam al-Qarafi yang menolak hak cipta sebagai harta. Noor Lizza Mohamad (1999) di dalam kajiannya juga mengemukakan bahawa perbincangan hak cipta dari aspek teori harta menurut Islam tidak lagi mendapat tempat dalam kalangan ilmuwan Islam pada masa ini. Justeru, artikel ini akan melakukan tinjauan terhadap penulisan-penulisan yang berkaitan hak cipta sebagai harta dan kedudukannya sebagai harta sepencarian.

## Analisis Tinjauan Literatur

### Konsep Harta Menurut Ulama Fiqh dan Sarjana Islam

Jika ditelusuri di dalam kitab-kitab fiqh, terdapat beberapa penulisan fuqaha berkaitan definisi harta. Antaranya ialah definisi yang menunjukkan harta sebagai sesuatu yang berkaitan dengan

kepemilikan. Hal ini dinyatakan oleh al-Shātībī (1975) yang merupakan salah satu daripada imam mazhab Maliki di dalam kitabnya *al-Muwafaqāt fī Usul al-Syari'ah*. Menurut beliau, harta ialah apa-apa yang terletak ke atasnya milik, dan pemilik memilikinya daripada orang lain jika dia mengambilnya dengan cara yang ditetapkan oleh syarak.

Definisi harta selanjutnya diutarakan oleh imam Syafii dengan menggunakan unsur bernilai dalam mendefinisikan harta. Sebagaimana yang dipetik oleh al-Suyuti (1983) di dalam kitabnya yang bertajuk *al-Ashbāh wa al-naza'ir fī qawa'id wa furu' fiqh al-shafi'iyyah* mendefinisikan harta sebagai apa-apa yang mempunyai nilai yang boleh dijual-beli dengannya dan dijamin apabila berlaku kerosakan walaupun semakin sedikit, dan tidak ditolak oleh manusia seperti *fiḥs* (sen) dan seumpamanya.

Selanjutnya, al-Zarkashī (1987) pula menggunakan unsur manfaat dalam mendefinisikan harta seperti yang disebutkan di dalam kitabnya *al-Manthūr fī al-Qawa'id li al-Zarkashi* iaitu harta sebagai apa-apa yang boleh bermanfaat dengannya, iaitu ia sedia untuk dimanfaatkan, dan ianya sama ada barang-barang fizikal atau manfaat-manfaat. al-Maqdisi (2000) juga sependapat dengan al-Zarkashi (1987) dalam pendefinisian harta iaitu menggunakan unsur manfaat untuk menentukan harta. Di dalam kitabnya *al-Muqni' fī fiqh al-imam Ahmad bin Hanbal al-Shaibaniyy*, beliau mendefinisikan harta sebagai apa-apa yang ada manfaat padanya yang dibenarkan dalam keadaan selain darurat. al-Buhuti (2000) turut mengemukakan hal yang sama di dalam kitabnya *Syarh Muntaha al-Iradat daqa'iq aula al-Naha li syarh al-muntaha*. Menurutnya, harta ialah apa-apa yang dibenarkan manfaatnya secara mutlak, pada setiap keadaan tanpa keperluan. Ibnu 'Abidin (2003) di dalam kitabnya *Radd al-Muhtar Kitab al-Buyu'* pula mengemukakan definisi yang sedikit berbeza dengan yang lainnya. Beliau menggunakan unsur fizikal dalam menentukan harta. Menurutnya, harta ialah apa-apa yang menjurus kecenderungan manusia kepadanya secara naluri dan boleh disimpan untuk waktu yang diperlukan, dan sifat kehartaan disabitkan dengan seluruh manusia menggunakannya atau sebahagiannya, dan sifat bernilai disabitkan dengannya, dan dibenarkan mengambil manfaat dengannya menurut syarak.

Manakala, antara kajian disertasi berkaitan harta adalah kajian oleh Md. Yazid Ahmad (1999) bertajuk *Tuntutan Harta di Bawah Bidang Kuasa Mahkamah Syariah*. Kajian disertasi ini mengkaji bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia terhadap tuntutan harta. Selain itu, kajian ini juga membincangkan berkenaan konsep harta menurut persepektif Islam dan moden. Menurut kajian ini, harta menurut konsep Islam adalah sesuatu yang boleh dikuasai, dimanfaatkan dan halal menurut ketetapan syarak serta mempunyai nilai disamping manusia cenderung kepadanya. Manakala menurut konsep barat pula, harta adalah mencakupi segala benda yang mampu dimiliki dan amat luas termasuk harta zahir (*corporeal*) dan harta tidak zahir (*incorporeal*), harta ketara (*tangible*) dan harta tidak ketara (*intangible*), *real* dan *personal* dan segala-galanya yang boleh dinilai dengan wang termasuk dalam bahagian hak-hak dan kepentingan. Walaupun Islam dan moden mengiktiraf harta dan pemilikannya, namun pengiktirafan yang diberikan oleh Islam adalah bersandarkan kepada batasan-batasan syarak. Sementara itu, pengiktirafan oleh barat adalah berpandukan kepada peraturan-peraturan atau undang-undang yang dicipta oleh akal manusia.

Jafril bin Khalil (2000) membuat kajian perbandingan di antara Malaysia dan Indonesia di dalam tesisnya yang bertajuk *Pemilikan Harta: Suatu Kajian Perbandingan Antara Undang-undang Islam*. Kajian ini menyentuh dari aspek perbandingan terhadap undang-undang

pemilikan harta yang terdapat dalam Islam menurut perspektif Malaysia dan Indonesia. Kajian ini juga menyentuh berkenaan falsafah pemilikan harta iaitu menurut Islam, manusia diberi hak memiliki berupa amanah, sedangkan pemilik sebenar adalah Allah. Selain itu, Islam meletakkan batasan-batasan tertentu dalam pemilikan iaitu dalam perniagaan, tidak diperbolehkan memiliki harta secara riba. Menurut perlembagaan Islam, seseorang itu bebas memiliki harta namun terdapat Batasan-batasan tertentu, ianya berguna untuk kepentingan bersama atau masalah 'ammah. Manakala di dalam perlembagaan Malaysia, ianya termaktub di perkara 13 (1) dan (2). Peruntukan tersebut memberi jaminan bahawa tiada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.

al-Syahrānī (2004) di dalam kitabnya *Huquq al-ikhtira' wa al-ta'lif fi al-fiqh al-Islami* membuat kesimpulan berkenaan takrifan harta yang diutarakan oleh fuqaha. Menurutnya, harta disebut sebagai apa-apa yang dibenarkan oleh syarak untuk dimiliki dan dimanfaatkannya pada setiap keadaan atau pilihan dan ianya mempunyai nilai dalam kalangan manusia.

Perkembangan teori harta dapat dilihat melalui kajian Mohamad Sabri (2010) di dalam artikelnya yang bertajuk *Takrifan Mal Menurut Sarjana Asia Barat dan Implikasinya Terhadap Transaksi Masa kini*. Harta menurutnya, tidak hanya merujuk kepada beberapa jenis aset yang tertentu sahaja pada zaman silam tetapi juga merujuk kepada sesuatu yang bernilai yang ditentukan oleh kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat. Teori ini telah menyokong penulisan al-Duraynī (1984) di dalam bukunya *al-Haqqu wa Madā sultān al-Daulah fi taqyidihi*.

Miftahul Huda (2019) di dalam kajiannya *Peranan Ekonomi Islam Dalam Pengembangan Harta* merumuskan bahawa harta adalah hak mutlak milik Allah dan manusia hanyalah dipinjamkan sementara dan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Kepemilikan harta mestilah dengan usaha yang betul serta dengan cara yang dibenarkan oleh syariat Islam. Islam juga melihat cara mengembangkan harta dan ianya tidak boleh dilakukan dengan cara yang batil serta merugikan pihak lain. Pengembangan harta juga mestilah mengandungi masalah yang di dalamnya terdapat unsur manfaat dan keberkatan.

## Hak Cipta Sebagai Harta Menurut Perspektif Islam

Berdasarkan pengamatan pengkaji, perbincangan berkenaan hak cipta sebagai harta tidak terdapat di dalam perbincangan fuqaha dan ulama klasik di dalam kitab-kitab mereka. Penulisan berkaitan ini hanya dibahaskan oleh beberapa ulama kontemporari seperti Fathi al-Durayni, imam al-Qarafi, imam al-Suyuti dan Husayn al-Syahrani. Antara penulisan terawal berkaitan hak cipta telah dilakukan oleh al-Duraynī (1981) di dalam bukunya yang bertajuk *Haq al-Ibtikār fi al-Fiqh al-Islami al-Muqāran* menyentuh berkenaan hak-hak penulis terhadap hasil pemikiran mereka. Menurut penulisannya, hak milik penulis terhadap benda bersifat kekal akan tetapi, hak terhadap manfaat terikat dengan tempoh waktu. Namun demikian, menurut al-Qarafi sebagaimana yang dipetik al-Durayni di dalam kitabnya, hak cipta tidak boleh dianggap sebagai harta. Menurut imam al-Qarafi, inovasi atau pemikiran adalah sesuatu yang berkaitan akal dan ianya tidak boleh diwarisi. Hadis berkenaan hak yang diwariskan menurutnya adalah berkaitan dengan harta. Namun menurut al-Qarafi, hak cipta diiktiraf sebagai hak penulis.

Nor Liza Mohamad (1999) mengemukakan di dalam disertasinya yang bertajuk *Hak Cipta Dari Aspek Teori Harta Intelek Menurut Perspektif Islam* bahawa kedudukan hak cipta

sebagai harta tidak diperbincangkan oleh fuqaha sama ada dahulu dan sekarang. Menurut kajian beliau, pada zaman dahulu mungkin belum timbul isu masalah pengeksploitasian terhadap karya hak cipta dan karya hak cipta tidak dijadikan sumber ekonomi yang utama kepada seseorang disamping kemajuan sains dan teknologi tidak sampai kepada tahap seperti hari ini. Kajian ini juga mengemukakan bahawa tidak semua karya hak cipta diiktiraf menurut Islam, hal ini kerana karya seni boleh terbahagi kepada dua iaitu halal dan haram. Arieff Salleh (2001) di dalam bukunya yang bertajuk *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam* juga menyatakan hal yang sama bahawa antara isu baru yang timbul di zaman ini ialah isu hak cipta. Tidak dapat dinafikan di zaman Nabi Muhammad, sahabat, *tabi'in* dan zaman imam-imam muktabar seperti Imam Malik, Abu Hanifah, Syafii dan Ahmad, serta zaman *salafussōleh* tidak dibincangkan isu ini. Istilah hak cipta mula diperkenalkan di Barat. Secara perundangannya, hak cipta mula dibincangkan dalam *Paris Convention* yang telah diadakan pada 20 Mac 1883.

Selanjutnya penulisan yang lebih terperinci dilakukan oleh al-Syahrānī (2004) di dalam kitabnya *Huquq al-ikhtira' wa al-ta'lif fi al-fiqh al-Islami*. al-Syahrani menulis berkenaan hak cipta dan hak penulis menurut fiqh Islam. Menurut penulisannya, hak cipta dan hak penulis adalah hak yang diakui di sisi syarak dan ianya mempunyai nilai. Penciptanya boleh melakukan sebarang transaksi terhadap hak cipta atau penulisannya berdasarkan jenis-jenis transaksi yang dibenarkan oleh syarak.

Sebuah kajian disertasi dilakukan oleh Dairobi (2016) yang bertajuk *Kedudukan Hak Kekayaan Intelektual (Hak Cipta) Sebagai Harta Peninggalan Waris Dalam Perspektif Hukum Islam*. Beliau mengkaji kedudukan hak cipta dari sebagai harta warisan menurut Islam. Menurut kajiannya, hak cipta yang terdiri daripada segala bentuk boleh dijadikan objek akad (*al-ma'qud 'alaih*) baik akad *mu'awadhah* (pertukaran komersial) mahupun akad *tabarru'āt* (bukan komersial) serta dapat diwakafkan dan diwariskan. Namun begitu, ulama dari kalangan mazhab Hanafi berpendapat bahawa hak yang boleh diwasiatkan adalah hak yang bersifat kebendaan sahaja.

Selanjutnya terdapat dua kajian yang membincangkan berkenaan hak cipta dari aspek hudud. Ianya ditulis oleh al-Suyūṭī (1998) di dalam bukunya yang bertajuk *al-Fāriq bayn al-musannif wa al-sāriq* dan Ruzaini Tukimin (2003) di dalam disertasinya yang bertajuk *Pencurian Harta Intelek: Analisis Menurut Perspektif Hukum Hudud*. al-Suyuti (1998) membincangkan berkenaan perbezaan di antara penulis dan pencuri. Buku tersebut juga menyentuh mengenai salah satu hak yang dikawal dalam undang-undang hak cipta iaitu hak moral seorang penulis. Ruzaini Tukimin (2003) pula mengkaji berkaitan kedudukan harta intelek sebagai barang yang dicuri menurut perspektif hukum hudud. Hasil kajian menunjukkan bahawa untuk melaksanakan hukuman hudud terhadap sesuatu kesalahan mencuri perlulah menepati syarat-syarat iaitu barang curian mestilah bersifat harta, ia mestilah berada pada tempat simpanan khusus atau dalam kawalan, mestilah milik orang lain dan cukup nisbah. Selain itu, kajian ini juga menyentuh berkenaan konsep harta untuk menentukan sama ada pencurian harta intelek termasuk di dalam jenayah hudud. Menurut kajian ini, harta intelek sama ada dalam bentuk manfaat atau hak adalah bersifat harta kerana ianya boleh dimiliki dan dikuasai serta boleh dimanfaatkan dalam keadaan biasa dengan syarat ia dizahirkan dalam bentuk bahan fizikal. Harta intelek juga boleh menjadi barang curian yang boleh membawa kepada pelaksanaan hukuman hudud ke atas pencurinya sama seperti harta-harta fizikal yang lain.

## Tinjauan Harta Sepencarian

Pada dasarnya, terdapat banyak penulisan berkenaan harta sepencarian yang telah dilakukan. Antara kajian awal ditulis oleh Suwaid Tapah (1996) di dalam tesisnya yang bertajuk *Konsep dan Amalan Pembahagian Harta Sepencarian Orang-orang Islam di Malaysia*. Amalan pembahagian harta sepencarian seringkali dikaitkan dengan adanya perkongsian hidup melalui perkahwinan. Persoalan berkaitan harta sepencarian lazimnya tidak berbangkit sepanjang tempoh perkahwinan sehinggalah setelah perkahwinan itu berakhir dengan perceraian atau kematian salah satu pihak. Kegiatan suami dan isteri di luar rumah dalam konteks kelaziman masyarakat Melayu di Malaysia telah pun berlaku sejak masyarakat ini wujud dimana isteri atau wanita sama-sama berusaha bersama suami membanting tulang meneroka tanah-tanah, meskipun dalam konteks amat terhad. Istilah “sama-sama sepencari” muncul rentetan daripada sektor pertanian yang telah menguasai minda dan semangat masyarakat Melayu pada ketika itu. Istilah harta sepencarian juga tidak boleh ditafsirkan sebagai harta syarikat. Hal ini kerana konsep pembahagian harta sepencarian hanya boleh berlaku akibat daripada perkahwinan. Pembahagian harta sepencarian mempunyai kaitan dengan adat yang menjadi kelaziman masyarakat Melayu, tetapi masyarakat yang tidak pernah menerima pengaruh adat perpatih dan temenggung juga turut mengamalkan pembahagian harta sepencarian.

Md. Yazid Ahmad (1999) di dalam disertasinya yang bertajuk *Tuntutan Harta di Bawah Bidang Kuasa Mahkamah Syariah* mengkaji bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia terhadap tuntutan harta. Di dalam kajian ini juga menyentuh berkenaan kes-kes tuntutan harta-harta yang terletak di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah. Salah satu harta yang boleh dituntut dan terletak di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah adalah tuntutan harta sepencarian. Selain itu, tuntutan harta yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah termasuk harta pusaka, wasiat, wakaf, hibah, harta penama, nafkah, mut'ah dan maskahwin.

Penulisan berkaitan sumbangan telah dibincangkan oleh Suwaid Tapah (2003) di dalam artikelnya yang bertajuk *Harta Sepencarian dan Wang Simpanan KWSP: Suatu Perbincangan Dari Sudut “Sumbangan Secara Tidak Langsung”*. Sesuatu tuntutan yang boleh dipertimbangkan mahkamah bergantung kepada takat atau kadar sumbangan yang diberikan oleh pihak yang menuntut terhadap harta yang dikumpulkan dalam perkahwinan mereka. Kebiasaannya, mahkamah Syariah hanya mengambilkira sumbangan tidak langsung seperti modal atau aset di luar rumah, manakala sumbangan tidak langsung di dalam rumah bergantung kepada budi bicara mahkamah dengan mengambilkira status pihak yang memohon. KWSP tidak dikira sebagai harta sepencarian kerana ianya dianggap sebagai harta persendirian.

Azlina Abdul Latiff (2004) di dalam disertasinya yang bertajuk *Harta Sepencarian: Pelaksanaan dan Penilaian Menurut Hukum Syarak* mengemukakan bahawa harta sepencarian telah diberi peruntukan khusus di bawah undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Meskipun ianya tidak dibincangkan oleh fuqaha di dalam kitab-kitab fiqh, namun ianya diterima pakai berdasarkan kepada kaedah *‘urf*. Kadar pembahagian harta sepencarian adalah tertakluk kepada penyertaan masing-masing pihak suami dan isteri. Tuntutan juga boleh dibuat selepas perceraian atau selepas kematian suami atau isteri.

Norsidah Mat Yusoh (2005) di dalam disertasinya yang bertajuk *Tuntutan Harta dan Pembiayaan Selepas Perceraian: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Johor Bahru*, mengkaji berkenaan tuntutan harta dan pembiayaan yang diberikan kepada pasangan suami isteri selepas perceraian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Islam. Kajian ini juga menyentuh berkenaan hak-hak harta dan pembiayaan yang boleh dituntut selepas perceraian serta tatacara membuat tuntutan di Mahkamah Syariah Johor Bahru. Berdasarkan kajian tersebut, hak-hak yang boleh dituntut selepas perceraian adalah terdiri daripada mahar yang belum dijelaskan, mut'ah, nafkah, hibah, harta sepencarian, upah, hadhanah, upah penyusuan dan hutang kepada pasangan yang bercerai di Johor berdasarkan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003. Walaupun hak-hak seperti upah penyusuan, hadhanah dan hutang tidak dinyatakan di dalam Enakmen tersebut, namun ianya boleh dituntut di Mahkamah Syariah.

Antara faktor yang menyebabkan berlakunya tuntutan harta sepencarian adalah perceraian, kematian salah satu pihak dan poligami. Hal tersebut dikemukakan oleh Jamal Mohd Lokman (2009) di dalam tesisnya yang bertajuk *Kajian Kes Perundangan Tentang Pembahagian Harta Sepencarian*. Tuntutan harta sepencarian boleh dilakukan oleh pihak suami atau isteri dengan syarat perceraian tersebut perlu disahkan terlebih dahulu. Selain itu, tidak semua harta boleh dituntut sebagai harta sepencarian. Sebelum tuntutan dibuat, para pihak mestilah mengetahui status harta tersebut sama ada termasuk di dalam kategori harta sepencarian ataupun tidak termasuk. Hubungan di antara status harta yang boleh dianggap harta sepencarian dengan faktor penentu yang boleh menyebabkan pihak-pihak memperoleh haknya juga merupakan aspek yang penting untuk pihak-pihak membuat penilaian terlebih dahulu segala sunbangan sama ada berbentuk wang ringgit, tenaga atau sebagainya bertujuan memudahkan mahkamah untuk memutuskan bahagian bagi pihak-pihak yang betikai tersebut.

Miszairi Sitiris dan Akmal Hidayah (2010) di dalam makalah mereka yang bertajuk *Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Kes Kematian* membincangkan berkenaan kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian. Tuntutan harta sepencarian selepas kematian adalah merupakan hak eksklusif yang diberikan kepada pasangan suami dan isteri. Namun begitu ianya tidak menghalang waris-waris si mati yang berhak mendapat harta warisan untuk menuntut hak harta sepencarian bagi pihaknya. Seandainya berlaku kematian salah satu pihak daripada suami atau isteri, harta sepencarian mestilah dituntut terlebih dahulu sebelum pembahagian harta pusaka dilakukan.

Kajian perbandingan pula telah dilakukan oleh Nurul Hidayah Tumadi (2013) di dalam tesisnya yang bertajuk *Harta Gono Gini Menurut Undang-undang Indonesia dan Harta Sepencarian Menurut Undang-undang Malaysia*. Terdapat persamaan di dalam definisi harta sepencarian dalam perundangan Islam di Indonesia dan Malaysia. Namun begitu terdapat perbezaan dari aspek konsep, cara pandang terhadap sumber hukum, peruntukan dan amalannya. Peruntukan undang-undang Indonesia iaitu Kompilasi Hukum Islam telah memperuntukkan secara jelas berkenaan konsep dan kadar pembahagian harta sepencarian iaitu satu nisbah dua (1/2) bagi setiap harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan. Tuntutan ini boleh dibuat sama ada selepas perceraian hidup atau kematian salah satu pihak. Manakala peruntukan di Malaysia pula tidak menyatakan secara jelas berkaitan waktu tuntutan harta sepencarian bagi sebab kematian. Hal tersebut hanya dinyatakan di dalam Arahan Amalan No.5 Tahun 2003 JKSM dan Fatwa Negeri-negeri. Berkaitan kadar pembahagian pula, tidak

dinyatakan secara jelas kadar pembahagiannya, ianya bergantung kepada keputusan Mahkamah dengan menilai takat sumbangan pihak-pihak yang bertikai.

Penulisan berkaitan konsep sumbangan telah dilakukan oleh Mohd Nurhusairi Mat Hussin (2014) di dalam disertasinya yang bertajuk *Konsep Sumbangan Dalam Penentuan Pembahagian Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah Malaysia: Perspektif Sosio-Perundangan*. Penulisan ini mengkaji berkenaan konsep sumbangan dalam penentuan kadar pembahagian harta sepencarian khususnya dari aspek sosio-perundangan di Malaysia. Berdasarkan kajian ini, kadar pembahagian harta sepencarian yang diputuskan oleh mahkamah selari dengan takat sumbangan pihak-pihak yang bertikai. Selain itu, tafsiran sumbangan juga tidak terhad kepada sumbangan berbentuk tenaga, usaha dan pengurusan rumah tangga, bahkan tempoh perkahwinan dan penyediaan pembantu rumah turut diambil kira. Penyelesaian secara *sulh* adalah merupakan kaedah yang sering menjadi pilihan dalam menyelesaikan kes-kes harta sepencarian. Kajian ini juga menyentuh berkenaan harta-harta yang boleh dituntut sebagai harta sepencarian iaitu terdiri daripada harta alih dan harta tidak alih.

Mohd Hafiz Jamaludin, Mohd Norhusairi & Mohamad Anuar (2014) di dalam artikel mereka yang bertajuk *Pemakaian Instrumen Istihsan dengan 'Urf (al-Istihsān bi al-'Urfi) dalam Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia)* mengemukakan bahawa instrumen istihsan dengan *'urf* pada asasnya bersumberkan kepada mazhab Hanafi, namun ianya tidak jauh berbeza dengan instrumen *'urf* mazhab Syafii. Instrumen ini sesuai dengan furuk mazhab syafi'i disamping amalan pembahagian harta sepencarian yang diamalkan di Malaysia ini sesuai untuk diamalkan di negeri-negeri lain termasuklah yang berpegang kepada mazhab Hanafi.

Mohd Norhusairi dan Mohd Hafiz (2016) di dalam artikel mereka yang bertajuk *Harta Sepencarian vs Harta Perkahwinan dalam Perundangan Sivil: Satu Sorotan Ringkas*, mengkaji persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam amalan pembahagian harta sepencarian (mahkamah syariah) dan pembahagian harta perkahwinan (mahkamah sivil) di Malaysia. Harta sepencarian adalah konsep kehartaan yang terpakai kepada orang-orang Islam di Malaysia, manakala konsep harta perkahwinan pula terpakai kepada masyarakat bukan Islam di Malaysia dan ianya dibicarakan di mahkamah sivil. Konsep sumbangan juga terpakai di dalam kedua-dua konsep kehartaan ini.

Badriah Hasbullah (2017) di dalam kajiannya yang bertajuk *Locus Standi Waris dalam Tuntutan Harta Sepencarian Selepas Kematian di Mahkamah Syariah di Malaysia* merumuskan bahawa tuntutan harta sepencarian adalah merupakan hak eksklusif suami dan isteri sama ada tuntutan selepas perceraian, suami ingin berpoligami ataupun kematian salah satu pihak. Waris selain daripada suami dan isteri tidak mempunyai *locus standi* untuk membuat tuntutan harta sepencarian selepas kematian bagi pihak si mati secara automatik sebagaimana hak pewarisan dalam harta pusaka Islam. Walau bagaimanapun, wujud keadaan tertentu yang menyebabkan keharusan waris untuk membuat tuntutan harta sepencarian selepas kematian bagi pihak si mati demi memastikan keadilan hak dan kemaslahatan pihak-pihak yang berkepentingan terhadap harta tersebut terjamin. Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian selepas kematian menepati kehendak syarak dan tergolong sebagai hak-hak yang berkait dengan harta peninggalan waris yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembahagian harta pusaka dilakukan.



Perbincangan berkenaan tuntutan harta sepencarian dalam poligami dilakukan oleh Nor Faizah Zakaria (2018) di dalam disertasinya yang bertajuk *Tuntutan Harta Sepencarian dalam Poligami Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Harta sepencarian boleh dituntut dalam tiga keadaan iaitu selepas perceraian, kematian dan apabila suami ingin memohon untuk poligami. Hak-hak harta sepencarian dalam perkahwinan poligami dilindungi oleh undang-undang melalui pindaan yang telah dibuat ke atas peruntukan poligami sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 23, Akta & Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri kecuali bagi negeri Terengganu dan Sarawak yang tidak mempunyai peruntukan berkenaan tuntutan harta sepencarian dalam poligami. Merujuk kepada seksyen 23 (9) menjelaskan berkenaan harta sepencarian dalam poligami boleh dituntut oleh pasangan suami isteri.

Mohamad Sofee Razak (2018) di dalam artikelnya yang bertajuk *Tuntutan Harta Sepencarian: Konsep Dan Amalan Di Malaysi* membincangkan mengenai konsep dan amalan tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Syariah Malaysia. Berdasarkan kajian yang dibuat, harta sepencarian mestilah diperolehi semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung. Keputusan pensabitannya mestilah berlandaskan kepada hukum syarak, serta Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam di negeri masing-masing.

## Kesimpulan

Berdasarkan penulisan-penulisan tersebut, dapat disimpulkan bahawa fuqaha empat mazhab dan sarjana Islam telah membincangkan definisi harta. Juhur mendefinisikan harta sebagai sesuatu yang mempunyai unsur manfaat, bernilai dan boleh dimiliki menurut mazhab Maliki. Akan tetapi, mazhab Hanafi menekankan sifat fizikal dalam mendefinisikan harta sekaligus menolak manfaat sebagai harta. Selain itu, perkembangan definisi harta dapat dilihat di dalam kajian-kajian terkini yang dilakukan oleh sarjana Islam iaitu konsep bernilai menurut tafsiran terkini adalah merujuk kepada apa yang ditentukan oleh kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat.

Manakala, berkaitan hak cipta dari aspek teori harta pula ternyata ulama fiqh klasik belum membahas berkenaan hal tersebut. Ianya mula dibahas oleh ulama fiqh dan sarjana Islam kontemporari. Terdapat beberapa ulama yang menolak hak cipta sebagai harta seperti ulama dari kalangan mazhab Hanafi yang meletakkan teori fizikal dalam menentukan status harta dan imam al-Qarafi juga mengatakan hal yang sama. Kebanyakan sarjana Islam menggunakan pendekatan analisis kepustakaan dalam mengetahui kedudukan hak cipta sebagai harta dalam kajian mereka. Pengkaji berpendapat bahawa perlu kepada pandangan mujtahid masa kini untuk mengetahui kedudukan hak cipta sebagai harta di sisi Islam.

Berdasarkan penulisan-penulisan tentang harta sepencarian, kebanyakan pengkaji atau penulis telah mengkaji berkenaan harta sepencarian dari aspek teori, amalannya berdasarkan perspektif Islam dan *urf* di Malaysia. Harta sepencarian seperti yang difahami bermaksud harta yang diperolehi oleh suami dan isteri di dalam tempoh perkahwinan atas usaha bersama mereka. Amalan ini berlandaskan kepada adat kebiasaan masyarakat melayu di Malaysia. Secara asasnya, semua harta sama ada harta alih atau harta tak alih yang diperolehi di dalam tempoh perkahwinan boleh dituntut sebagai harta sepencarian. Dari aspek keadaan yang membolehkan

tuntutan dibuat ianya dalam tiga keadaan iaitu selepas perceraian, kematian dan poligami. Penentuan pembahagian kadar pula bergantung kepada sumbangan pihak-pihak yang menuntut dan ianya ditentukan oleh hakim mahkamah Syariah. Namun demikian berdasarkan penulisan-penulisan tersebut, belum terdapat kajian berkenaan kedudukan hak cipta sebagai harta sepencarian. Hal ini menjadi persoalan kerana sebagaimana diketahui tidak semua harta boleh dituntut sebagai harta sepencarian seperti Muzakarah Fatwa 2005 berkenaan KWSP.

## Rujukan

- Arief Salleh Rosman. 2001. *Harta Intelektual: Kajian Perbandingan Antara Undang-undang Malaysia dan Fiqh Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arief Salleh Rosman. 2002. *Harta Intelektual Menurut Perspektif Fiqh Islam*. Johor: Universiti Teknolgi Malaysia.
- Azimon Abdul Aziz & Nazura Abdul Manap. 2009. Aspek Undang-undang dan Penguakuasaan Harta Intelek: Permasalahan-permasalahan yang Memberi Kesan Kepada Perlindungan Negara. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV)*, Pahang.
- al-Buhuti, Mansur ibn Yunus ibn Idris. 2000. *Syarh Muntaha al-Iradat daqa'iq aula al-Naha li syarh al-muntaha*. Jil. 3. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Dairobi. 2016. *Kedudukan Hak Kekayaan Intelektual (Hak Cipta) Sebagai Harta Peninggalan Waris dalam Perspektif Hukum Islam*. Banjarmasin: Institut Agama Islam Negeri Antasari Banjarmasin.
- al-Durayni, Fathi. 1981. *Haqq al-Ibtikār fi al-Fiqh al-Islamy al-Muqāran*. Bayrut: Muassasah al-Risālah.
- Ibrahim Lembut. 2010. *Harta Sepencarian: Konsep dan Amalan*. Prosiding Seminar Pengurusan Harta Islam Peringkat Kebangsaan.
- Ibn al-<sup>c</sup>Abidin, Muhammad Amin al-Shahir. 2003. *Radd al-Muhtar Kitab al-Buyu<sup>c</sup>*. Jil. 9. al-Riyad: Dar al-<sup>c</sup>Alim al-Kutub.
- al-Maqdisi, Muhammad bin Qudamah. 2000. *al-Muqni<sup>c</sup> fi fiqh al-imam Ahmad ibn Hanbal al-Shaibani*. Jeddah: Maktabat al-Sawadi.
- Miftahul Huda. *Peranan Ekonomi Islam dalam Pengembangan Harta*. An-Nisbah: Jurnal Ekonomi Syariah. 5(2): April 2019.
- Miszairi Sitiris & Akmal Hidayah Halim. 2010. *Tuntutan Harta Sepencarian Dalam Kes Kematian*. 22 Kanun (1): 26-45.
- Mohamad Sabri Haron. 2010. *Takrifan Mal (harta) Menurut Sarjana Asia Barat dan Implikasinya Terhadap Transaksi Masakini*. *Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat International Journal of West Asian Studies* 2(1): 1-18.
- Mohamad Sofee Razak. 2018. *Tuntutan Harta Sepencarian: Konsep dan Amalan di Malaysia*. LNS (A) 1xxxviii.
- Norazlina Abdul Aziz, Iri Ibrahim & Mohd Norhusairi Mat Hussin. 2019. Harta sepencarian/aset perkahwinan bagi pembubaran perkahwinan di bawah Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 serta Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. *Journal of Shariah Law Research* 4(1): 1-26.

- Rohazar Wati Zuallcoblely. 2010. *Hak Cipta dan Hak Berkaitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozmi Ismail. 2016. *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zalikhah Md. Nor. 1996. *Pemilikan Harta Dalam Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Shafi'i, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Idris. 1993. *al-Umm. al-Juz'u al-Khamis*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shahrany, Husayn ibn Ma'alwi. 2004. *Huquq al-Ikhtira' wa al-Ta'lif fi al-Fiqh al-Islamy*, al-Riyadh: Dar Taybah li al-Nasyar wa al-Tawzi'.
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa al-Lakhmy. 2004. *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 1983. *al-Ashbah wa al-naza'ir fi qawa'id wa furu' fiqh al-shafi'iyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- The nineteenth Islamic Conference of Foreign Ministers (Session of Peace Interdependence and Development), held in Cairo, Arab Republic of Egypt, from 9-14 Muharram 1411 H (31 July to 5 August 1990)*.
- World Intellectual Property Organization. 2016. *Understanding Copyright and Related Rights*. Switzerland: World Intellectual Property Organization.
- [www.myipo.gov.my/ms/hak-cipta/](http://www.myipo.gov.my/ms/hak-cipta/) Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Diakses pada [20/02/2017]
- [www.wipo.int/about-ip/en/](http://www.wipo.int/about-ip/en/) World Intellectual Property Organization (WIPO). Diakses pada [20/02/2017]
- Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim. 2006. Konsep harta menurut perspektif undang-undang Islam dan undang-undang Sivil: Satu tinjauan. *Jurnal Pengajian Umum* 7: 22-33.
- al-Zarkashī, Badr al-Din ibn Muhammad Bahadar al-Shafi'i. 1986. *al-Manthūr fi al-Qawa'id Li al-Zarkashi*. Quwayt: Dar al-Quwayt li al-Sahafah.
- al-Zarqa, Mustafa Ahmad. 1999. *al-Madkhal ila Nazariyyah al-Iltizam al-'Ammah fi al-Fiqh al-Islami*. Dimashq: Dar al-Qalam.